

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 09 Julai 2017 15:33
To: UUM - All Staff
Subject: UUM KE ARAH PERISJILAN ISO 9001:2015



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

09 JULAI 2017/ 15 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM KE ARAH PERSIJILAN ISO 9001:2015



IPQ ONLINE : Seiringan dengan usaha untuk mengukuhkan serta melestarikan Sistem Pengurusan Kualiti UUM supaya memenuhi piawaian antarabangsa melalui persijilan ISO 9001 yang telah bertapak di Universiti ini sejak daripada 2001, IPQ terus berusaha mempersiapkan para Auditor Dalam (Akademik) untuk melaksanakan tugas pengauditan dalaman yang perlu melalui fasa transisi persijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015. Semua sedia maklum bahawa pada tahun ini, UUM akan menghadapi transisi pengauditan persijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 yang mana transisi ini lebih memfokuskan kepada kombinasi pendekatan ‘proses’ dan ‘analisis berasaskan risiko’ dengan menggunakan kaedah pusingan “Plan-Do-Check-Act” di semua peringkat di Universiti ini seperti yang telah dijelaskan dalam bengkel-bengkel yang lepas. Sehubungan itu, satu taklimat Pelan Tindakan Audit Kualiti Dalam Akademik telah diadakan pada 5 Julai 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, IPQ bertujuan untuk memberikan penerangan tentang proses Audit Dalam Kualiti Akademik yang akan berlangsung pada 16 hingga 31 Julai 2017, iaitu selepas tarikh Audit Dalam Pentadbiran yang sedang dilaksanakan (2 hingga 13 Julai 2017) supaya pengauditan dilakukan mengikut piawaian Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 yang telah diperbaharui oleh Badan Antarabangsa tersebut yang akan diaudit oleh SIRIM pada penghujung tahun ini. IPQ berharap agar proses Audit Kualiti Dalam dan Audit SIRIM pada tahun ini akan berjalan dengan lancar dalam memastikan proses transisi berjaya dilaksanakan. Akhir sekali, IPQ mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang tinggi yang telah dipamerkan oleh semua Juruaudit Dalam (Akademik) yang hadir dalam taklimat tersebut.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.